

20/08/2000

Tiada tapisan jumpa MB

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menasihatkan Menteri Besar Selangor yang baru, Dr Mohamad Khir Toyo agar bekerja bersungguh-sungguh demi agama, bangsa dan negara selain menjauhkan diri daripada perkara negatif.

"Dr Mahathir menasihatkan saya supaya bersikap jujur dan ikhlas serta menyatakan perlunya menjauhkan diri daripada perkara yang tidak sepatutnya," katanya.

Dr Mohamad Khir menerima nasihat Perdana Menteri dalam pertemuan selama hampir 30 minit sebelum Dr Mahathir berlepas ke Mozambique untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000, pagi semalam.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha Umno, Tan Sri Khalil Yaacob, dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Dr Mohamad Khir juga memberi jaminan akan mengadakan sistem terbuka yang membolehkan rakyat bertemu dengan beliau pada bila-bila masa, sama ada di rumah atau di pejabat.

Dalam sidang akhbar selepas bermesyuarat dengan pemimpin Umno negeri yang dipengerusikan oleh Muhammad Muhd Taib, beliau berkata, sebagai Menteri Besar dari kalangan Pemuda Umno, beliau akan menggunakan pengalaman itu untuk menangani hati rakyat, terutama golongan muda yang menjadi fokus utama beliau.

Katanya, beliau akan menggunakan sistem terbuka kepada rakyat yang membolehkan mereka menemuinya secara terus tanpa perlu melalui tapisan pada peringkat pegawai.

"Seluruh rakyat, termasuk golongan muda boleh datang berjumpa saya bila-bila masa. Gunakan peluang ini untuk bersama-sama kerajaan negeri meningkatkan pembangunan insan yang menjadi matlamat utama saya.

"Saya akan memberi tumpuan kepada pembangunan insan kerana tiada guna negeri kita maju dan membangun sedangkan aspek kerohanian kita runtuh," katanya.

Ditanya mengenai peribadinya yang kurang diketahui dan kurang bercakap, Dr Mohamad Khir berkata, "Biar kurang bercakap tetapi buat banyak kerja."

Sementara itu, majlis mengangkat sumpah Dr Mohamad Khir sebagai MB Selangor yang ke-14 akan berlangsung di hadapan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah di Istana Alam Shah, Khamis ini.

Pada majlis yang akan berlangsung kira-kira jam 9.30 pagi, itu Dr Mohamad Khir, akan menerima watakah pelantikan sebagai MB daripada Tengku Idris.

Bagaimanapun, sama ada upacara mengangkat sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang baru akan diadakan pada hari yang sama masih belum dapat diputuskan.

Ini berikutan, senarai Exco yang sedia ada masih dikekalkan selagi tiada rombakan dibuat dan jika ada Exco yang digugurkan dan pelantikan baru dibuat sebelum 24 Ogos ini, maka upacara mengangkat sumpah Exco akan turut berlangsung serentak.

Dr Mohamad Khir ketika ditanya pemberita adakah beliau akan membuat sebarang rombakan dalam senarai Exco sedia ada, berkata beliau masih belum dapat memberikan apa-apa komen selagi belum berbincang dengan mereka yang lebih senior dalam politik serta pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya akan berbincang dengan seluruh peringkat kepimpinan Umno mengenai perkara ini dan setakat ini belum memikirkan apa-apa rombakan," katanya.

Dr Mohamad Khir turut melawat Datuk Seri Abu Hassan Omar di kediaman Menteri Besar di Bukit Megawati, Seksyen 7, di sini, untuk meminta restu sebagai Menteri Besar yang baru.

Pengumuman pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang itu sebagai Menteri Besar Selangor dibuat lewat petang kelmarin.

Beliau menggantikan Datuk Seri Abu Hassan meletakkan jawatan secara mengejut pada 10 Ogos lalu atas alasan kesihatan.

(END)